



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR ORANG ASLI: SATU TINJAUAN

MOHD FIRDAUS BIN YAAKUB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENILAIAN KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR ORANG ASLI:
SATU TINJAUAN**

MOHD FIRDAUS BIN YAAKUB



**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT BAGI MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011





PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya catatkan sumbernya.

APRIL 2011

MOHD FIRDAUS BIN YAAKUB

No. Pend. M20091000187



PENGHARGAAN

Penyelidik bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, penyelidik dapat menyiapkan kertas penyelidikan ini. Penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada ayahda dan bonda serta keluarga tersayang atas doa yang dipanjatkan ke hadirat Ilahi untuk penyelidik dan dorongan serta kerjasama yang tidak berbelah bagi.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan ditujukan khas kepada penyelia kertas projek ini, iaitu Encik Abdullah bin Yusof di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang beliau berikan kepada penyelidik dalam usaha penyelidik menghasilkan kertas projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada para pensyarah Pusat Pengajian Siswazah khususnya pensyarah bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada penyelidik.

Ucapan terima kasih dan sekalung budi penyelidik tujukan khas kepada para guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan, Pekan, Pahang serta para pelajar yang menjadi sampel kajian ini di kedua-dua buah sekolah tersebut yang telah memberi kerjasama kepada penyelidik dalam menghasilkan kertas projek ini.

Akhir kata, penyelidik merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dan memberi kerjasama kepada penyelidik dalam menjayakan penulisan ini. Oleh kerana itu, penyelidik mengharapkan segala kebaikan daripada kajian ini dapat memberi manfaat dan sumbangan yang berguna kepada semua pihak agar dapat meningkatkan pencapaian sampel kajian dalam mata pelajaran bahasa Melayu, khususnya berkaitan kemahiran menulis.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap penguasaan, kelemahan dan kekuatan para pelajar Orang Asli (selepas ini disebut POA) dalam menulis karangan. Reka bentuk kajian tinjauan ini dilakukan terhadap 70 orang POA di dua buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan, Pahang. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan tiga yang masih belajar di sekolah berkenaan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapat maklumat berhubung tahap penguasaan, kekuatan dan kelemahan POA dalam menulis karangan dari aspek penyampaian isi, penggunaan bahasa dan persembahan serta meninjau masalah-masalah yang menyebabkan pelajar lemah dalam menulis karangan. Bagi tujuan itu, dua alat pengumpulan data digunakan. Pertama karangan jenis perbincangan dan kedua, soal selidik. POA perlu mengisi soal selidik tersebut selepas menulis karangan perbincangan yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa POA berada pada tahap kurang penguasaan dari aspek penyampaian isi (68.28%), tiada penguasaan dari aspek penggunaan bahasa (75.71%) dan kurang penguasaan dari aspek persembahan (54.28%) dalam penulisan karangan. Pernyataan ini berpandukan pada peratus tertinggi dalam tiga aspek kajian ini. Secara keseluruhannya POA berada pada tahap kurang penguasaan dengan peratus pencapaian sebanyak 31.98% atau purata markah sebanyak 32 daripada 100 markah. Beberapa aspek kekuatan dan kelemahan yang dilakukan oleh POA telah dikenal pasti berhubung penulisan karangan. Semua maklumat ini dilaporkan dalam bentuk peratus dan purata sahaja. Pada bahagian akhir, penyelidik mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi kelemahan POA dalam menulis karangan.

ASSESSMENT ESSAY OF MALAY LANGUAGE ORANG ASLI STUDENT: ONE SURVEY

ABSTRACT

This research is done to recognize the level of authority, weakness and strength among pupils of Orang Asli (after this will call POA) in writing the essay. The design of this review is done towards 70 pupils of POA at two schools, where are Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai and Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan, Pahang. The sampel of research consist of the students of form 3, where they are still study at the schools. The objective of this research is done to get the information about the level of authority, weakness and strength of POA in writing the essay from the aspect delivery of ideas, the usage of language and the way to present the writing. This research also is done to get the knowledge why the students are very weak in writing the essay. For this objective, two instrument have been use to collect the data. There are the discussion of essay and questionnaire. The POA must complete the questionnaire after write the essay of discussion that have been decide by the researcher. The data that have been collected will be analysis to answer the questions of this research. The result of the research are show the POA present at the level less of ability in the aspect of delivery of the ideas (68.28%), use the language (75.71%) and present in the writing of essay (54.28%). This statement is guide by the higher percentage at three aspect in this research. At the totals, POA are present at the level of less ability with the percentage of accomplishment is 31.98% or average of the marks around 32 marks than 100 marks. The several of the aspect of strength and weakness among the POA in writing the essay have been recognize by the researcher. All the information are have been report in percentage and average only. At the last part, researcher will suggest the several of way solution to overcome the weakness POA in writing the essay.


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Kandungan	vi
Senarai jadual	ix
Senarai rajah	xi
Senarai singkatan	xii

BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan kajian	6
1.3 Objektif kajian	7
1.4 Soalan kajian	8
1.5 Kepentingan kajian	8
1.6 Batasan kajian	9
1.7 Definisi istilah	10
1.7.1 Penilaian	10
1.7.2 Karangan	10
1.7.3 Bahasa pertama	11
1.7.4 Bahasa kedua	11
1.8 Kesimpulan	12

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Literatur berkaitan	14
2.2.1 Konsep kemahiran menulis	14
2.2.2 Konsep karangan jenis perbincangan	17
2.2.3 Kaitan teori pengukuhan dengan kemahiran menulis	18
2.2.4 Ciri-ciri sebuah karangan yang lengkap	19
2.3 Kajian berkaitan	22
2.4 Kesimpulan	31

BAB 3: KAEDAH KAJIAN

3.1 Pendahuluan	32
3.2 Reka bentuk kajian	32
3.3 Populasi dan sampel kajian	33
3.3.1 Proses pemilihan persampelan berdasarkan rawak mudah	34
3.4 Alat kajian	34
3.4.1 Tajuk karangan	35
3.4.2 Ujian penulisan karangan bahasa Melayu	35
3.4.3 Pemilihan pencapaian melalui karangan	36
3.4.4 Soal selidik	36
3.4.5 Praujian	37
3.5 Prosedur pengumpulan data	38
3.5.1 Sebelum penyelidikan	38
3.5.2 Semasa penyelidikan	38
3.5.3 Selepas penyelidikan	39
3.6 Prosedur penganalisan data	41
3.6.1 Analisis deskriptif penulisan karangan	41
3.6.2 Analisis deskriptif statistik	42
3.7 Kesimpulan	44

BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	45
4.2 Keterangan sampel kajian	46
4.3 Dapatan kajian	47
4.3.1 Tahap penguasaan POA dalam penulisan karangan	49
4.3.2 Kesalahan penulisan dalam karangan POA	54
4.3.2.1 Kesalahan ayat yang tidak gramatis	55
4.3.2.2 Kesalahan ejaan	60
4.3.2.3 Kesalahan penggunaan huruf besar	63
4.3.2.4 Kesalahan penggunaan kata hubung	65
4.3.2.5 Kesalahan penggunaan imbuhan	68
4.3.2.6 Kesalahan penggunaan kata	70
4.3.2.7 Kesalahan penggunaan tanda baca	73
4.3.3 Kelemahan POA dalam penulisan karangan	76
4.3.4 Kekuatan POA dalam penulisan karangan bahasa Melayu	79
4.3.5 Masalah yang dihadapi oleh POA semasa menulis karangan	81
4.4 Apakah tahap penguasaan POA dalam menulis karangan jenis perbincangan?	84
4.5 Apakah aspek-aspek kesalahan yang sering dilakukan oleh POA dalam menulis karangan?	85



4.6 Apakah aspek-aspek kekuatan dan kelemahan yang dilakukan oleh POA ketika menulis karangan?	86
4.7 Kesimpulan	89

BAB 5: RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan	90
5.2 Rumusan kajian	91
5.3 Perbincangan	95
5.4 Cadangan mengatasi kelemahan dalam penulisan karangan	101
5.4.1 Pengajaran menulis melalui pendekatan proses	101
5.4.2 Analisis kesalahan	103
5.4.3 Penggunaan petikan dalam penulisan karangan	105
5.4.4 Kosa kata sebagai asas pengajaran menulis	106
5.4.5 Pengajaran karangan melalui pembacaan	108
5.5 Cadangan kajian lanjut	109
5.6 Kesimpulan	110

RUJUKAN	112
----------------	------------

Lampiran A Ujian penulisan karangan	116
Lampiran B Penyemakan kertas karangan	117
Lampiran C Soal selidik kajian	119
Lampiran D Panduan penganalisan tahap penguasaan dari aspek markah, isi, bahasa dan persembahan atau pengolahan.	124
Lampiran E Tahap penguasaan keseluruhan POA dalam penulisan	126
Lampiran F Contoh-contoh karangan pelajar	130
Surat kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia	135
Surat kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Pahang	136
Surat pengesahan status pelajar (UPSI)	137
Surat pengesahan pelajar untuk membuat penyelidikan (UPSI)	138
Surat kebenaran menjalankan penyelidikan SMK C	139
Surat pengesahan penyelidikan SMKPH	140
Surat pengesahan penyelidikan SMK P	141



SENARAI JADUAL

No. jadual	Nama jadual	Halaman
1.1.1	Analisis keputusan peperiksaan akhir tahun 2010 (Pelajar Orang Asli, SMKPH)	5
1.1.2	Analisis keputusan peperiksaan akhir tahun 2010 (Pelajar Orang Asli, SMKPH)	5
3.3	Taburan sampel kajian	34
3.5.3.1	Tahap penguasaan pelajar dari aspek isi	40
3.5.3.2	Tahap penguasaan pelajar dari aspek bahasa	40
3.5.3.3	Tahap penguasaan pelajar dari segi pengolahan/persembahan	41
4.2.1	Keterangan sampel kajian berdasarkan soal selidik	46
4.2.2	Keterangan sampel kajian berdasarkan karangan	47
4.3	Pengekodan jenis kesalahan dalam penulisan karangan	48
4.3.1.1	Tahap penguasaan keseluruhan POA dalam penulisan daripada aspek markah	50
4.3.1.2	Pencapaian POA daripada aspek isi, bahasa dan persembahan secara keseluruhan	51
4.3.1.3	Pencapaian mengikut tahap penguasaan individu daripada aspek isi	52
4.3.1.4	Pencapaian mengikut tahap penguasaan individu daripada aspek bahasa	53
4.3.1.5	Pencapaian mengikut tahap penguasaan individu daripada aspek persembahan	54
4.3.2.1	Kesalahan penulisan karangan dari aspek ayat	55
4.3.2.2	Kesalahan penulisan karangan dari aspek ejaan	61
4.3.2.3	Kesalahan penulisan karangan dari aspek penggunaan huruf besar	63
4.3.2.4	Kesalahan penulisan karangan dari aspek penggunaan kata hubung	66
4.3.2.5	Kesalahan penulisan karangan dari aspek imbuhan	69



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

x



ptbupsi

4.3.2.6	Kesalahan penulisan karangan dari aspek penggunaan kata	71
4.3.2.7	Kesalahan penulisan karangan dari aspek penggunaan tanda baca	74
4.3.3.1	Analisis pencapaian individu berdasarkan semua item (Bahagian B)	78
4.3.3.2	Analisis pencapaian keseluruhan sampel bagi setiap item mengikut skala	79
4.3.4.1	Analisis pencapaian individu berdasarkan semua item (Bahagian C)	81
4.3.4.2	Analisis pencapaian keseluruhan sampel bagi setiap item mengikut skala (Bahagian C)	81
4.3.5	Masalah yang dihadapi oleh POA semasa menulis karangan	83



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. rajah	Nama rajah	Halaman
2.2.1	Penghasilan karya penulisan	16
2.2.3	Kaitan teori pengukuhan dengan kemahiran menulis.	19
2.2.4.1	Binaan karangan sebagai wacana	21
2.2.4.2	Karangan berfokus	21
3.6.2	Model pengumpulan dan penganalisan data	43
5.4.4	Kosa kata sebagai asas pengajaran menulis	107

SENARAI SINGKATAN

Jenis singkatan	Nama penuh singkatan
K	Kesalahan
N	Nombor
P	Pembetulan
B 1	Bahasa pertama
B 2	Bahasa kedua
KP	Kurang penguasaan
PB	Penguasaan baik
PC	Penguasaan cemerlang
PS	Penguasaan sederhana
TP	Tiada penguasaan
ABM	Amalan bahasa Malaysia
KPM	Kumpulan pelajar Melayu
P&P	Pengajaran dan pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
POA	Pelajar Orang Asli
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPBM	Kumpulan pelajar bukan Melayu
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah.



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Orang Asli yang tinggal di sekitar Kampung Tasik Gumum, Kampung Mencupu, Kampung Sungai Siput, Kampung Belukar Nangka, Kampung Arong dan Kampung Mentega di daerah Pekan, Pahang, tinggal jauh dari kawasan bandar. Kebanyakan anak-anak Orang Asli yang tinggal di kampung-kampung tersebut bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai (SMKPH). Pelajar-pelajar ini belajar pada peringkat sekolah rendah kebangsaan (SRK) di SRK Tasik Chini, Pekan, SRK Kincir, Pekan dan SRK Bandar Dua, Paloh Hinai, Pekan, Pahang. Pelajar-pelajar ini juga mengambil mata pelajaran seperti pelajar-pelajar Melayu yang lain kecuali mata



pelajaran pendidikan Islam dan bahasa ibunda mereka. Pada masa ini, Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai, dijadikan sekolah kluster yang menggabungkan pelajar sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan (SMK), justeru pelajar lepasan SRK belajar di sekolah yang sama pada peringkat menengah. Walau bagaimanapun, pembelajaran berlaku sehingga tingkatan tiga sahaja kerana kelas untuk menengah atas, iaitu tingkatan empat dan lima masih belum ditawarkan.

Sebuah sekolah lagi yang menjadi lokasi kajian ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan (SMKP), Pekan. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah yang mempunyai bilangan pelajar Orang Asli (selepas ini disebut POA) yang ramai. POA yang mengikuti pembelajaran di sekolah ini kebanyakan datang dari SRK Kota Perdana, Pekan, SRK Runcang, Pekan dan SRK Permatang Keledang, Pekan.

Selepas tamat persekolahan pada peringkat rendah, POA yang memperoleh keputusan bahasa Melayu (selepas ini disebut BM) pada tahap cemerlang, kepujian, sederhana, iaitu gred A, B dan C dan keputusan yang di bawah tahap penguasaan minimum, iaitu memperolehi gred D atau Gred E ditempatkan pada kelas yang tertentu mengikut pencapaian masing-masing. Keadaan ini berlaku di kedua-dua buah sekolah yang menjadi lokasi kajian. Guru yang mengajar mata pelajaran BM memberi tumpuan kepada perkara asas, iaitu kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Pendedahan kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka lebih bersedia mengikuti semua mata pelajaran yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantar pada tahap menengah rendah. Oleh hal yang demikian, pengajaran di semua kelas tersebut adalah untuk memastikan semua pelajar boleh menggunakan bahasa Melayu

dengan baik untuk semua mata pelajaran terutama POA (kecuali mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris).

Perlaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah menetapkan jumlah waktu BM sebanyak enam (6) waktu seminggu. Jumlah waktu yang ditetapkan memungkinkan pengajaran dan pembelajaran pelajar untuk mata pelajaran bahasa Melayu berkesan kepada para pelajar kelas utama dan sukar untuk pelajar yang lemah terutamanya POA. Oleh sebab itu, kursus mata pelajaran BM menekankan pengukuhan dan peningkatan taraf kecekapan berbahasa dengan memberi perhatian terhadap kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis termasuk penggunaan tatabahasa secara tidak terpisah antara satu dengan yang lain. Huraian sukatan mata pelajaran BM (2003) dari aspek penulisan, objektif pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran BM adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar:

- i) Melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan.
- ii) Menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan menyampaikan maklumat dalam bentuk tulisan.
- iii) Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis dan teknik penulisan yang menarik.

Objektif di atas membolehkan POA untuk menguasai kemahiran menulis yang merupakan asas dalam pembelajaran BM selain menguasai kemahiran seterusnya, iaitu membaca, mendengar dan bertutur. Bagi tujuan itu, pembelajaran bahasa Melayu KBSM adalah berasaskan kaedah penggabungjalinan untuk mencapai tahap kebolehan berbahasa BM yang tinggi. Berdasarkan pernyataan itu, pengajaran

guru haruslah mengaitkan empat unsur, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Meskipun objektif pengajaran dan pembelajaran BM dinyatakan dengan begitu jelas, namun hakikatnya, prestasi dan pencapaian POA dalam mata pelajaran BM masih tidak memuaskan. Kenyataan ini terbukti benar apabila penyelidik membandingkan analisis keputusan peperiksaan akhir tahun 2010, di SMKPH dan SMKP. Melalui analisis tersebut, penyelidik mendapati pencapaian BM sangat rendah jika dibandingkan dengan pencapaian mata pelajaran lain. Hal ini demikian kerana, peratus pencapaian bahasa Melayu hanya mencatat sebanyak 23.33 peratus bagi peperiksaan akhir tahun di SMKP. Ini bermakna, daripada jumlah 30 orang POA, hanya tujuh orang sahaja yang lulus dan seramai 23 orang POA lagi gagal dalam mata pelajaran BM. Di SMKPH pula, peratus kelulusan POA dalam mata pelajaran BM hanya mencatat sebanyak 25 peratus sahaja. Ini menunjukkan seramai 29 orang POA gagal dalam mata pelajaran BM. Walaupun peratus kelulusan peperiksaan akhir tahun lebih tinggi di SMKPH berbanding SMKP, namun perlu diingatkan bahawa hanya 2 orang pelajar sahaja yang mendapat gred B (markah lulus 60-70) dan 2 orang pelajar mendapat gred C (50-64). Manakala, enam (6) orang pelajar mencapai gred D (markah lulus 40-49) dan 29 gred E (0-39). Dalam peperiksaan tersebut, mata pelajaran BM mencatat kelulusan yang paling rendah jika dibandingkan dengan mata pelajaran lain. Hal ini berlaku di kedua-dua buah sekolah yang dikaji. Keadaan ini dapat dibuktikan daripada maklumat yang tercatat dalam jadual 1.1.1 dan jadual 1.1.2 seperti yang berikut:

Jadual 1.1.1

Analisis keputusan peperiksaan bahasa Melayu akhir tahun 2010

(Pelajar Orang Asli, SMKP)

Mata pelajaran	Gred					Jumlah lulus	Tidak hadir	Jumlah pelajar	Peratus lulus
	A	B	C	D	E				
Bahasa Melayu	0	1	2	4	23	7	0	30	23.33
Sejarah	0	2	2	7	19	11	0	30	36.67
Geografi	0	1	6	3	20	10	0	30	33.33
Pend. Moral	1	2	4	7	16	14	0	30	46.67
Seni	1	3	8	12	6	24	0	30	80
Matematik	0	1	3	10	15	14	1	30	46.67
Bahasa Inggeris	0	2	3	5	19	10	1	30	33.33
Sains	0	1	3	4	22	8	0	30	26.67

Sumber: Laporan prestasi akademik SMKP, Pekan, Pahang.

Jadual 1.1.2

Analisis keputusan peperiksaan akhir tahun 2010

(Pelajar Orang Asli, SMKPH)

Mata pelajaran	Gred					Jumlah lulus	Tidak hadir	Jumlah pelajar	Peratus lulus
	A	B	C	D	E				
Bahasa Melayu	0	2	2	6	29	10	1	40	25
Sejarah	1	2	7	6	23	16	1	40	40
Geografi	0	4	6	9	21	19	0	40	47.5
Pend. Moral	2	5	3	8	22	18	0	40	45
Seni	2	2	9	12	15	15	0	40	37.5
Matematik	0	1	3	10	26	14	0	40	35
Bahasa Inggeris	0	2	3	7	28	12	0	40	30
Sains	0	1	5	6	28	12	0	40	30

Sumber: Laporan prestasi akademik SMKPH, Pekan, Pahang.

Petunjuk gred : A 85-100 C 50-69 E 0-39

 B 70-84 D 40-49

1.2 Permasalahan kajian

Lebih separuh abad negara kita mencapai kemerdekaan, pelajar-pelajar Orang Asli masih terpinggir dalam mata pelajaran BM. Di SMKP dan SMKPH, semua POA berada di kelas aliran sains sosial. Kelas-kelas ini hanya untuk membolehkan mereka mempelajari pendidikan formal BM bagi peringkat menengah rendah (tingkatan 1,2 dan 3) dan seterusnya di peringkat menengah atas (tingkatan 4 dan 5) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, pengajaran di kelas-kelas tersebut sangat mustahak dan perlu diberi perhatian khususnya pengajaran BM. Perkara ini menjadi satu tanda tanya kepada penyelidik, mengapakah POA masih tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa bahasa Melayu dengan baik walaupun sudah enam tahun mempelajarinya pada peringkat sekolah rendah? Hal ini terbukti benar apabila penyelidik mendapati peratus kelulusan yang rendah dalam penulisan karangan dalam kalangan POA dalam peperiksaan akhir tahun 2010 di kedua-dua buah sekolah yang menjadi lokasi kajian.

Berdasarkan laporan prestasi akademik tersebut, penyelidik dapat membuat satu kesimpulan bahawa prestasi penulisan karangan dalam kalangan POA dalam peperiksaan tersebut adalah sangat lemah. Keadaan ini sebenarnya tidak selari dengan objektif kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2003 : 62). Menurut ketetapan ini, objektifnya adalah untuk:

- 1) Melahirkan idea pendapat dalam bentuk penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan.
- 2) Menyebarkan maklumat dalam bentuk penulisan.
- 3) Menghasilkan penulisan kreatif yang menggunakan bahasa yang gramatis dan teknik penulisan yang menarik.

Memandangkan tahap pencapaian POA dalam mata pelajaran BM adalah rendah dan pelajar amat lemah dalam aspek penulisan, keadaan ini telah menimbulkan keraguan kepada penyelidik untuk membuat penilaian terhadap hasil penulisan mereka (karangan bahasa Melayu) bagi melihat tahap penguasaan dalam penulisan, kekuatan dan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar tersebut dalam pembelajaran BM sebagai bahasa kedua. Dalam usaha untuk menyempurnakan kertas projek ini, penyelidik perlu membuat kajian supaya penyelidik dapat menyumbangkan pengetahuan tentang tahap penguasaan dalam penulisan, kelemahan dan kekuatan dalam penulisan karangan POA supaya guru-guru bahasa dapat menghasilkan satu cara atau kaedah yang lebih berkesan bagi membolehkan pelajar-pelajar tersebut menguasai aspek penulisan dengan baik. Kajian ini hanya dikhususkan kepada POA di SKMP dan SMKPH, Pekan, Pahang.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar-pelajar Orang Asli dalam penulisan karangan jenis perbincangan secara keseluruhan, dari segi penyampaian isi (korelevanan isi, huraian isi, contoh/ bukti), penguasaan bahasa (lancar, tidak berbelit-belit, ejaan, imbuhan, tanda baca dan istilah) dan persembahan/pengolahan (susunan isi, ayat yang gramatis, kepelbagaian bentuk huraian, kesinambungan, perenggan yang sesuai dan mencukupi serta jumlah patah perkataan yang sesuai).
2. Mengenal pasti aspek-aspek kesalahan yang sering dilakukan para pelajar Orang Asli dalam menulis karangan jenis perbincangan.

3. Mengenal pasti aspek-aspek kekuatan dan kelemahan yang dilakukan oleh para pelajar Orang Asli ketika menulis karangan jenis perbincangan.

1.4 Soalan kajian

Berdasarkan objektif kajian, terdapat tiga soalan utama yang telah dibentuk, iaitu:

1. Apakah tahap penguasaan POA dalam menulis karangan jenis perbincangan ?
2. Apakah aspek-aspek kesalahan yang sering dilakukan oleh POA dalam menulis karangan ?
3. Apakah aspek-aspek kekuatan dan kelemahan yang dilakukan oleh POA ketika menulis karangan?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini khusus tertumpu kepada kemahiran menulis karangan BM dalam kalangan pelajar Orang Asli di SMKP dan SMKPH. Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membantu guru-guru BM untuk mengetahui tahap penguasaan penulisan di samping mengenal pasti aspek-aspek kesalahan yang dilakukan oleh POA dalam penulisan karangan.
2. Membantu guru-guru BM mengenali aspek-aspek kekuatan dan kelemahan yang biasa dilakukan oleh POA ketika mereka menulis karangan BM dan seterusnya guru dapat membina bahan pemulihan dan latihan yang sesuai atau lebih mudah supaya dapat mengatasi kelemahan pelajar-pelajar mereka.

3. Berguna kepada penulis-penulis buku rujukan dan latihan untuk membolehkan mereka merangka cara-cara yang berkesan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar (Orang Asli) dalam penulisan karangan bahasa Melayu.
4. Kajian seumpama ini juga penting kepada Institut Pendidikan Guru dan universiti yang menawarkan kursus pendidikan di Malaysia supaya satu kaedah dan pendekatan yang lebih sesuai dapat dihasilkan semoga bakal-bakal guru yang dilahirkan nanti mampu meningkatkan pencapaian POA dalam mata pelajaran BM.

1.6 Batasan kajian

Penyelidik hanya membataskan kajian pada bidang penulisan karangan jenis perbincangan. Aspek yang menjadi fokus kajian penyelidik adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis, mengenal pasti aspek kesalahan yang sering dilakukan oleh POA dalam penulisan, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang sering dilakukan oleh POA ketika menulis karangan. Di samping itu, penyelidik akan mencadangkan beberapa cara untuk mengatasi kelemahan tersebut. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang POA tingkatan tiga yang sedang belajar di SMKP dan SMKPH, Pekan, Pahang. Semua sampel dipilih secara rawak mudah. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian penulisan karangan jenis perbincangan (rujuk lampiran A) dan soal selidik pelajar (rujuk lampiran C) serta senarai semak (rujuk lampiran B) sebagai panduan menganalisis karangan sampel.

1.7 Definisi istilah

1.7.1 Penilaian

Bhasah Abu Bakar (2003), menjelaskan penilaian merupakan satu pertimbangan atau pembuatan keputusan tentang merit atau nilai sesuatu perkara. Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), menjelaskan penilaian ialah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran. Menurut Gay (1985), dalam Azman Wan Cik (1986), penilaian adalah satu proses yang sistematik dalam pengumpulan dan analisis data untuk menentukan sama ada sesuatu objektif itu tercapai yang membolehkan satu pertimbangan atau keputusan dibuat. Menurut beliau lagi, penilaian menggunakan maklumat kualitatif yang mengandungi pernyataan deskriptif bertujuan untuk menghuraikan dengan lebih lanjut, jelas atau membuat analisis terhadap sesuatu isu. Walau bagaimanapun, penilaian dalam konteks kajian ini bertujuan untuk menentukan status sesuatu objek yang dinilai dengan membandingkan karangan POA dengan satu set standard yang ditetapkan.

1.7.2 Karangan

Menurut Sulaiman Masri dan Ahmad Khair (2004), karangan setara dengan komposisi, meskipun komposisi lebih luas cakupannya. Karangan ialah rangkai perkataan atau ayat. Za'ba (1965), pula berpendapat, karangan merupakan hasil daripada kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata dan seterusnya untuk dijadikan ayat. Beliau menegaskan bahawa sebuah karangan mengandungi ayat-ayat yang telah digubal dan disusun untuk dijadikan cerita, laporan dan sebagainya. Bagi Lado (1964), Broto (1974),

Bullock (1975) dan Ishak Harun (1979), karangan bukanlah sekadar hasil kepandaian atau kemahiran menggubah kata, frasa dan ayat tetapi karangan merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa dalam (Kamarudin Hj. Husin (1998: 276).

1.7.3 Bahasa pertama

Corbin (1996), menjelaskan bahasa pertama ialah bahasa yang diperoleh semasa seseorang itu masih bayi dan kanak-kanak lagi daripada keluarga. Bahasa pertama atau diistilahkan juga sebagai bahasa ibunda adalah bahasa yang diperoleh oleh seseorang daripada orang tuanya yang memeliharanya sejak kecil (Raminah Hj. Sabran, Rahim Syam, 1985: 42). Tegasnya bahasa pertama ialah bahasa yang mula-mula diperoleh. Dalam konteks kajian ini, bahasa pertama yang dimaksudkan ialah bahasa ibunda POA.

1.7.4 Bahasa kedua

Corbin (1996), mendefinisikan bahasa kedua sebagai apa-apa sahaja bahasa yang diperoleh selepas bahasa pertama atau bahasa natif. Baginya, tingkat penguasaan bahasa kedua seseorang lebih rendah jika dibandingkan dengan penguasaan bahasa pertama. Manakala, Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985 ; 42-43), menyatakan bahasa kedua ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang selepas dia memperoleh bahasa pertama, bagi mereka apa sahaja bahasa yang diperoleh selepas bahasa pertama adalah bahasa kedua.

Berdasarkan definisi di atas, penyelidik membuat kesimpulan bahawa bahasa kedua merupakan bahasa yang diperoleh melalui pembelajaran formal dan dalam

konteks kajian ini, pembelajaran BM dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah merupakan bahasa kedua.

1.8 Kesimpulan

Karangan merupakan satu aspek yang penting dalam mata pelajaran bahasa Melayu kerana di samping mengembangkan kemahiran bahasa, bahagian ini juga boleh membentuk kemahiran berfikir yang bercapah, ketelitian, kesungguhan, dan keterlibatan pelajar dalam melakukan sesuatu penulisan. Karangan boleh menentukan tahap pencapaian akademik pada sesuatu penilaian seseorang pelajar sama ada cemerlang, baik, sederhana dan sebagainya sekali gus dapat dinilai kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah.

Atas kesedaran tersebut, penyelidik akan meneruskan penyelidikan dalam kajian ini supaya kelemahan yang dilakukan oleh pelajar, terutama oleh sampel kajian dapat diatasi.